



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2016/06/59 (HQ)

PELITAWANIS SUMBANG KUIH RAYA KEPADA 8,850 WARGA KERJA TNB

Persatuan Wanita Kumpulan Tenaga Nasional Berhad (Pelitawanis TNB) menyumbangkan bingkisan kuih raya kepada 8,850 warga kerja TNB di seluruh Semenanjung Malaysia yang bakal bertugas pada Hari Raya Aidilfitri, 1 Syawal nanti.

Sumbangan persatuan yang dianggotai warga kerja dan isteri kepada warga kerja TNB ini adalah sebagai menghargai pengorbanan dan mencerikan anggota kerja yang perlu bertugas pada hari pertama Aidilfitri, demi keselesaan pengguna.

Bingkisan hari raya disampaikan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie kepada wakil-wakil bahagian yang terlibat iaitu Bahagian Perkhidmatan Korporat, Bahagian Pembahagian, Bahagian Penghantaran, Bahagian Penjanaan serta TNB Energy Services Sdn. Bhd.

Turut hadir Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd dan isteri yang juga Dipertua Pelitawanis TNB, Datin Seri Noor Afizah Ahmad serta pengurusan tertinggi syarikat.

Setiap bingkisan mengandungi beberapa jenis kuih raya yang dibungkus secara gotong-royong oleh 60 orang ahli Pelitawanis serta anggota kerja TNB di sekitar Lembah Klang.

Dikeluarkan Di Kuala Lumpur pada 24 Jun 2016

*Untuk Sebarang Pertanyaan Lanjut, Sila Hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my